

Headline	JAKIM perlu terajui pelan strategik bangunkan ekonomi ummah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	29	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	541 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,577
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,731



JAKIM perlu terajui pelan strategik bangunkan ekonomi ummah

Malaysia memiliki banyak institusi yang berkait dengan umat Islam secara langsung dan tidak langsung. Tabung Haji, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Yayasan Wakaf dan lembaga zakat antara institusi besar yang menguruskan berbilion ringgit harta umat Islam.

Jika kita gabungkan pula dengan perniagaan milik penuh Muslim, sekolah swasta milik Muslim, institusi pondok, wang dalam simpanan masjid, harta wakaf dan sebagainya, saya kira umat Islam sebenarnya mempunyai kekuatan kewangan, tetapi tidak disusun secara strategik.

Dalam ketiadaan pelan strategik ekonomi, semestinya segala tindakan yang dilaksanakan untuk mengukuhkan ekonomi umat tidak akan tersusun dan terarah. Masing-masing badan, sama ada kerajaan atau swasta merancang dan bertindak secara solo (bersendiri) dan terpisah. Bahkan kita tidak tahu keadaan dan perkembangan ekonomi umat Islam setakat ini, adakah ia semakin maju ataupun semakin mundur?

Tiada pelan strategik ekonomi

Jika kita sedar, bahawa umat Islam di Malaysia tidak punya pelan strategik ekonomi sendiri, saya percaya kita ada pakar yang mampu membuat kajian dan seterusnya mewujudkan pelan strategik itu. Bila sesuatu itu belum wujud, bererti kita ada ruang untuk memulakannya.

Pelan strategik itu seharusnya merangkumi koordinasi sumbangan jabatan kerajaan, entiti negeri dan umat Islam seluruhnya untuk mengesan pembangunan ekonomi; mempertingkat keselaruan antara dasar ekonomi dan perancangan

kerajaan negeri dengan matlamat ekonomi umat Islam.

Mewujudkan kerjasama dalam membentuk keselarian polisi dan aktiviti antara institusi yang berkait dengan umat Islam secara langsung dan tidak langsung seperti Tabung Haji, YaPEIM, Yayasan Wakaf dan lembaga zakat negeri membabitkan badan niaga milik umat Islam dalam perancangan strategik berkenaan, serta perancangan sumber manusia seperti institusi pendidikan agama milik kerajaan dan swasta.

Kerjasama bangunkan ekonomi


Menurut hukum alam, tidak ada komuniti yang mempunyai hak anugerah kekayaan atau kesejahteraan. Kekayaan dan kesejahteraan ekonomi khususnya, hanya boleh dicapai dan dikekalkan apabila anggota komuniti itu bersama dengan badan niaga mereka, serta pemerintah bekerjasama untuk membina ekonomi mereka, dengan menggunakan apa yang ada di sekitar mereka.

Kejayaan menagih kewujudan matlamat yang jelas, bertindak secara berstrategik, serta teliti dalam memilih pendekatan. Setiap pihak berkait dengan umat Islam perlu mengembangkan ruang ekonomi, meningkatkan kemampuan organisasi dan keberdayaan sumber manusia ke arah melaksanakan aktiviti strategik ekonomi umat.

Saya mencadangkan supaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) seharusnya memimpin tugas murni ini. Pelan strategik ini haruslah menjadi titik permulaan akan kemajuan ekonomi umat Islam negara kita di abad ini.

Headline	JAKIM perlu terajui pelan strategi bangunkan ekonomi ummah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	29	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	541 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,577
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,731

Pengurusan masjid turut berperanan membantu umat Islam. [GAMBAR HIASAN]



Lembaga zakat banyak membantu umat Islam yang memerlukan bantuan. [GAMBAR HIASAN]